# Ganga Gowri a/p Raja Sundram lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–244 TAHUN 2010
KAMARDIN HASHIM H
19 JULAI 2012

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Fakta, dapatan — Majistret memberikan open verdict — Pemohon tidak berpuas hati — Sama ada majistret gagal mengenal pasti laporan, tempat dan masa kematian serta kesan kecederaan si mati — Sama ada majistret gagal mengulas keterangan dan kredibiliti saksi-saksi — Sama ada majistret gagal mengulas keterangan bahawa si mati dipukul dan ditendang dan kegagalan — Sama ada majistret gagal mengenal pasti SI8 sebagai anggota polis yang memukul dan menendang si mati*

Si mati dan empat yang lain telah ditangkap kerana disyaki menyalahgunakan dadah berbahaya. Di lokap Balai Polis Sentul, pihak polis cuba mendapatkan sampel air kencing dan cap jari namun si mati jatuh pengsan sebanyak dua kali dan kemudian meninggal dunia. Bedah siasat pertama mendedahkan si mati meninggal dunia akibat dadah dan ahli kimia ('SI14') menjumpai *chloroquine*, walaupun SI14 tidak pasti sama ada ia tersenarai sebagai dadah berbahaya, berada pada *lethal level*. Tidak berpuas hati, waris si mati ('pemohon') mendapatkan perintah untuk bedah siasat sekali lagi. Bedah siasat kedua menemui *soft tissue injury* di dada kiri si mati namun kematian si mati disimpulkan sebagai akibat dadah. *Soft tissue injury* pula mungkin disebabkan oleh usaha menyelamatkan si mati. Walau bagaimanapun, tiada usaha menyelamatkan yang sebenarnya dibuat. Dalam inkues yang diadakan, pihak pendakwaan mengemukakan tiga orang saksi iaitu SI20, SI22 dan SI17. Saksi-saksi menyatakan bahawa mereka ada ternampak si mati dipukul dan ditendang serta dipukul dengan hos getah dan kayu di bahagian kepala, kaki dan belakang ketika di balai polis. Ketiga-tiga saksi mengecamkan SI8 sebagai polis tersebut. Majistret memberikan keputusan *open verdict* dan pemohon mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut. Dalam hujahannya, pemohon mempertikaikan kegagalan majistret mengenal pasti laporan, tempat dan masa kematian serta kesan kecederaan pada badan si mati. Pemohon menegaskan kegagalan-kegagalan majistret iaitu mengambil kira keseluruhan keterangan termasuklah keterangan dengar cakap; mengulas keterangan dan kredibiliti saksi-saksi anggota polis yang saling bercanggahan; mengulas keterangan bahawa si mati dipukul dan ditendang dan kegagalan majistret mengenal pasti SI8 sebagai anggota polis yang memukul dan menendang si mati.

**Diputuskan**, mengesahkan keputusan mahkamah bawahan:

(1) Terdapat satu fail oleh pihak polis yang memuatkan semua percakapan,

laporan, tindakan serta barang-barang kes yang telah dikumpulkan oleh pegawai penyiasat dalam siasatan yang dilakukan. Fail tersebut telah dikemukakan kepada majistret dan juga ke mahkamah ini sebagai sebahagian daripada rekod asal prosiding tersebut (lihat perenggan 26(a)).

(2) Majistret telah mengulas bahawa percanggahan dalam keterangan saksi-saksi anggota polis serta percanggahan dalam keterangan saksi-saksi awam menyukarkan majistret untuk membuat dapatan dan keputusan dengan tepat mengenai masa, tempat serta punca kematian si mati. Mahkamah berpendapat bahawa isu mengenai kredibiliti saksi-saksi tidak perlu disentuh memandangkan prosiding inkues tidak melibatkan satu perbicaraan dan tidak sesiapa dipertuduhkan (lihat perenggan 26(b)).

(3) Saksi-saksi SI18 dan SI19 yang memberi pandangan awal bahawa kesan kecederaan pada bahagian dada kiri si mati berkemungkinan berpunca daripada *resuscitation efforts*. Apabila saksi-saksi mengetahui kemudiannya bahawa tiada *resuscitation efforts* dilakukan barulah mereka mengubah pandangan bahawa kesan kecederaan tersebut kemungkinan akibat kena pukul dan kena tendang. Majistret merumuskan punca sebenar kematian si mati tidak dapat dipastikan sama ada kerana dipukul dan ditendang atau pun oleh kerana mengambil dadah berlebihan (lihat perenggan 26(c)).

(4) Nama, no kad pengenalan dan alamat si mati telah diperolehi oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia bertarikh 24 Julai 2009. Si mati telah meninggal dunia antara jam 5.30 hingga 7.20 petang pada 16 Julai 2009 berkemungkinan berlaku di Balai Polis Sentul atau sekurang-kurangnya dalam perjalanan antara Balai Polis Sentul ke Hospital Kuala Lumpur. Sebab kematian si mati juga dinyatakan sebagai berkemungkinan akibat dari kecederaan kerana dipukul dan ditendang dan/atau akibat mengambil dadah chloroquine yang berlebihan (lihat perenggan 27(a)–(c)).

(5) Si mati dikatakan telah dipukul dan ditendang oleh SI8 tetapi tiada bukti konklusif dan saintifik bahawa perbuatan tersebut sebagai punca sebenar yang menyebabkan kematian atau telah mempercepatkan kematian si mati (lihat perenggan 27(d)).

**[English summary**

The deceased and four others were arrested on suspicion of abuse of dangerous drugs. At the Sentul Police Station Lock-up, the police tried to obtain the urine sample and thumbprint but the deceased had fell unconscious twice and subsequently died. The first post mortem revealed that the deceased died as a result of the drugs and the chemist ('SI14') found chloroquine, although SI14 was not sure if it was listed as dangerous drugs, at the lethal level. Not satisfied,

A the deceased's next of kin ('the applicant') obtained an order for another post mortem. The second post mortem found soft tissue injury at the left side chest of the deceased but the death of the deceased was concluded as a result of the drugs. The soft tissue injury was most probably caused by the attempt to resuscitate the deceased. However, there was no actual attempt to resuscitate B was carried out. In the inquest that was conducted, the prosecution adduced three witness ie SI20, SI22 and SI17. The witnesses testified that they saw the deceased being beaten up and kicked and beaten with rubber hose and wood stick on his head, leg and back at the police station. All the three witnesses identified SI8 as the police. The magistrate gave an open verdict and the C applicant appealed against the decision. In her submission, the applicant questioned the failure by the magistrate to identify the report, location and time of death as well as the injury marks on the deceased's body. The applicant contended that the magistrate's failure ie to take into account all the evidence, among others, the hearsay evidence; to review the police witnesses' evidence D and credibility which was contradictory; to review the evidence that the deceased was beaten up and kicked and the failure by the magistrate to identify SI8 as the police officer who had beaten and kicked the deceased.

**Held**, affirming the decision of the lower court:

E

(1) There was one file by the police which contained all the conversation, reports, action as well as the case materials which were collected by the investigation officer during his investigation. The file had been produced to the magistrate and also to this court as part of the original record of F proceedings (see para 26(a)).

(2) The magistrate had reviewed that the contradictions in the police witnesses' testimony and the contradictions in the public witnesses' testimony made it complicated for him in his findings and coming to a correct decision as to the time, location and the cause of death of the G deceased. The court found that the issue as to the credibility of the witnesses should not be touched upon as the inquest proceedings did not involve a trial and no one was charged (see para 26(b)).

(3) The witnesses SI18 and SI19 gave preliminary view that the injury marks H on the left side chest of the deceased was probably caused by the resuscitation efforts. When the witnesses subsequently came to know that there were no resuscitation efforts that had been carried out, only then they departed from the view saying that the injury marks might have been caused by the beatings and the kicking. The magistrate concluded I that the actual cause of death of the deceased could not be ascertained whether by the beating or the kicking or by consumption of excessive drugs (see para 26(c)).

(4) The name, identity card No and the address of the deceased had been obtained by the Malaysian National Registration Department dated 24

July 2009. The deceased had died between 5.30 to 7.20pm on 16 July 2009 most probably took place at the Sentul Police Station or at least on the way between Sentul Police Station to the Kuala Lumpur Hospital. The death of the deceased was also stated as probably caused by injuries as a result of being beaten and kicked and/or as a result of excessive consumption of chloroquine drugs (see para 27(a)–(c)).

(5) The deceased was said to have been beaten and kicked by SI8 but there was no conclusive and scientific evidence that the acts were the actual cause which resulted in the death or expedited the death of the deceased (see para 27(d)).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai fakta dapatan, see *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 439–526.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Anthony Chang Kim Fook, deceased, In re* [2007] 2 CLJ 362, MT (dirujuk)
*Liaw Kwai Wah & Anor v PP* [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35, MA (dirujuk)
*PP v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116; [1999] 8 CLJ 430, MT (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 31, 35
Kanun Acara Jenayah ss 323, 324, 325, 326, 327, 328, 337

*M Visvanathan (Saibullah M V Nathan & Co) bagi pihak pemohon.*
*Lokman bin Kasim (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

**Kamardin Hashim H:**

PERMOHONAN SEMAKAN

**[1]** Ini adalah permohonan pemohon melalui notis usul di lampiran 3 untuk mendapatkan perintah-perintah seperti berikut:

(a) Bahawa Mahkamah Yang Mulia ini (dalam melaksanakan kuasa-kuasanya yang tidak terbatas) menurut seksyen 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan seksyen 323 Kanun Prosedur Jenayah untuk memanggil dan memeriksa rekod-rekod prosiding berkenaan perbicaraan kes inkues Gunasegaran a/l Raja Sundram ('Simati') yang diadakan di Mahkamah Majistret melalui kes No: 7-88-126-2009 bagi memuaskan Mahkamah Yang Mulia ini berkenaan kebenaran, keesahan dan/atau kebetulan keputusan 'Open Verdict' yang dibuat puan majistret yang bijaksana di dalam perbicaraan kes inkues tersebut;

(b) Bahawa Mahkamah Yang Mulia ini di dalam membuat semakan ini mengambil kira semua keterangan saksi-saksi serta keterangan dokumentari yang telah diketengahkan di Mahkamah Majistret bagi memuaskan Mahkamah Yang Mulia ini berkenaan kebenaran, keesahan dan/atau kebetulan keputusan 'Open Verdict' yang dibuat puan majistret yang bijaksana di dalam perbicaraan kes inkues tersebut;

(c) Bahawa Mahkamah Yang Mulia ini di dalam membuat semakan ini mengambil kira semua keterangan saksi-saksi serta keterangan dokumentari yang telah diketengahkan di dalam perbicaraan inkues tersebut membuat keputusan bahawa terdapat unsur-unsur jenayah yang telah diperlakukan dan yang telah menyebabkan kematian Gunasegaran a/l Raja Sundram ('Simati') di lokap Balai Polis Sentul pada 16/7/2009 dan ianya bertentangan dengan keputusan 'Open Verdict' yang dibuat puan majistret yang bijaksana;

(d) Lain-lain perintah atau relief yang dianggap sesuai dan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia ini; dan

(e) Bahawa pihak-pihak diberikan kebenaran serta kebebasan untuk memohon.

**[2]** Permohonan pemohon di sini di sokong oleh afidavit sokongan yang diikrarkan oleh Ganga Gowri a/p Raja Sundram bertarikh 3 November 2010 seperti di lampiran 2 ('afidavit tersebut'). Afidavit tersebut telah menyenaraikan alasan-alasan bagi permohonan pemohon di sini. Alasan-alasan permohonan pemohon di sini dapat diringkaskan seperti berikut:

(a) Keputusan 'Open Verdict' yang diberikan oleh puan majistret tidak selaras dengan keterangan saksi-saksi serta keterangan dokumentari (perenggan 7 afidavit tersebut);

(b) Sehingga kini tiada laporan polis dibuat oleh pihak polis mengenai kematian si mati (perenggan 8 afidavit tersebut);

(c) Terdapat tiga (3) orang saksi melihat si mati telah dipukul dan ditendang oleh seorang anggota polis (perenggan 9 afidavit tersebut);

(d) Dua orang saksi Pakar Forensik mengesahkan terdapat kecederaan sebesar 28cm x 8cm x 5 cm pada badan si mati (perenggan 10 afidavit tersebut);

(e) Rumusan puan majistret bahawa sebab kematian si mati sebagai 'drug related death' adalah meragukan dan tidak konklusif (perenggan 11 afidavit tersebut);

(f) Rumusan puan majistret bahawa si mati telah mengambil dadah melebihi tahap 'lethal level' juga tidak konklusif (perenggan 12 afidavit tersebut);

(g) Puan majistret gagal menamakan anggota polis yang telah memukul dan menendang si mati (perenggan 13 afidavit tersebut);

(h) Puan majistret gagal membuat dapatan bahawa saksi-saksi angota polis telah memberi keterangan yang tidak benar serta bercanggah (perenggan 14 afidavit tersebut);

(i) Puan Majistret gagal menamakan si mati sebagai orang yang telah meninggal dunia di lokap Balai Polis Sentul pada 16/7/2009 (perenggan 15 afidavit tersebut);

(j) Puan Majistret telah silap, salah dan tidak mengikut peruntukan undang-undang dalam membuat keputusan sehingga berlakunya ketidakadilan terhadap si mati dan keluarganya (perenggan 16, 17 dan 18 afidavit tersebut).

**[3]** Bagi memuaskan mahkamah ini berkenaan kebenaran, keesahan dan/atau kebetulan keputusan 'Open Verdict' yang telah diberikan oleh puan majistret di dalam perbicaraan kes inkues si mati tersebut, saya telah memanggil semua rekod prosiding asal bersama barang-barang kes berbentuk dokumentari daripada mahkamah bawahan. Keseluruhan fail asal kes inkues No 7–88–126 Tahun 2009 yang mengandungi nota keterangan seramai 23 orang saksi, semua barang kes berbentuk dokumentari serta alasan keputusan ringkas puan majistret telah dikemukakan kepada saya seperti diarahkan. Turut dikemukakan kepada saya adalah fail asal laporan mati mengejut ('SDR') No 45/2009 yang dibuka oleh pihak polis di bawah Bab XXXII Kanun Acara Jenayah ('KAJ') berkaitan dengan perkara mengenai siasatan kematian ('rekod asal prosiding tersebut').

## LATAR BELAKANG FAKTA KES

**[4]** Setelah memeriksa dan meneliti rekod asal prosiding tersebut, saya mendapati latar belakang fakta kes secara ringkasnya adalah seperti berikut. Si mati telah ditangkap bersama dengan empat orang lagi lelaki pada sekitar jam 5.30 petang pada tarikh 16 Julai 2009 di kawasan sebuah kedai menjual todi di Jalan Sentul Manis, Sentul. Tangkapan ke atas si mati telah dibuat oleh sepasukan pegawai polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Sentul yang di ketuai oleh DSM 105318 Rajinder Singh a/l Kartab Singh ('SI4') bersama dengan lima anggota bawahan beliau. Kesemua tangkapan termasuk si mati ditangkap kerana disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah berbahaya. Sebelum ditangkap si mati ada cuba untuk melarikan diri namun si mati akhirnya berjaya ditangkap oleh L/Kpl 151345 Mohd Faizal bin Mat Taib ('SI8') dalam jarak lebih kurang 100 meter dari tempat si mati mula dilihat.

**[5]** Setelah berjaya ditangkap, si mati bersama empat tangkapan yang lain telah di bawa balik ke IPD Sentul dan apabila sampai terus dimasukkan ke dalam lokap Balai Polis Sentul. Seterusnya pihak polis telah meneruskan dengan siasatan terhadap setiap tangkapan. Tindakan awal pihak polis adalah untuk mendapatkan sampel air kencing dan kemudiannya diikuti dengan

mengambil cap jari setiap tangkapan. Keterangan menunjukkan sebelum prosedur tersebut dijalankan terhadap si mati, beliau telah jatuh pengsan dan diberi minum air mineral yang diberikan oleh anggota polis. Apabila tiba giliran si mati untuk memberikan sampel air kencing, si mati telah gagal untuk kencing. Oleh itu si mati telah di bawa untuk mengambil cap jarinya terlebih dahulu.

**[6]** Untuk mengambil cap jari, si mati telah dibawa ke bahagian belakang Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, IPD Sentul. Urusan pengambilan cap jari dilakukan oleh L/Kpl 128740 Mohd Zahir bin Ismail ('SI9'). Semasa proses pengambilan cap jari dijalankan, si mati sekali lagi telah jatuh pengsan. Si mati kemudiannya dibawa ke Hospital Kuala Lumpur. Saksi Dr Al-Hilmi bin Saim ('SI5') yang memeriksa si mati di Bahagian Kecemasan mengesahkan pesakit telah pun meninggal dunia (*brought in dead*). Saksi SI5 tidak mendapati sebarang kecederaan pada badan si mati dan merekodkan sebab-sebab kematian tidak diketahui.

**[7]** Jasad si mati telah dibedah siasat sebanyak dua kali. Kali pertama bedah siasat dilakukan oleh Dr Nurulhasanah bt Mustapar ('SI18') pada 17 Julai 2009. Saksi menyatakan hasil pemeriksaan beliau mendapati si mati adalah mengidap penyakit HIV positif namun tidak mengalami kecederaan yang menyumbang kepada kematian si mati. Walau bagaimanapun hasil ujian air kencing si mati, beliau mendapati mengandungi dadah jenis methamphetamine, morphine dan cannabis. Saksi diberitahu oleh pihak polis bahawa si mati telah meninggal dunia pada jam 5.30 petang pada 16 Julai 2009 di lokap Balai Polis Sentul. Oleh kerana saksi tidak menjumpai sebarang kecederaan yang boleh menyebabkan kematian si mati, beliau telah mengklasifikasikan kematian si mati sebagai 'drug related death'.

**[8]** Contoh darah dan air kencing si mati telah diambil dan dihantar untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia. Ahli Kimia Puan Fathiah bt Ahmad Zubaidi ('SI14') mengesahkan setelah membuat penganalisaan bahawa contoh air kencing si mati mengandungi enam jenis bahan dadah terdiri daripada codeine, chloroquine, 6-monoacetylmorphine, amphetamine, methamphetamine dan 11-nor-delta-9 tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid (*main active prinvipal of Cannabis)*. Manakala penganalisaan terhadap contoh darah si mati, SI14 mendapati mengandungi lima jenis bahan dadah terdiri daripada chloroquine pada paras 3.30 micrograms per milliliter, Morphine — 0.07 microgram per milliliter, Codeine — 0.01 microgram per milliliter, Amphetamine — 0.21 microgram per milliliter dan Methamphetamine — 0.97 microgram per milliliter. Walau pun SI14 tidak pasti sama ada Chloroquine tersenarai sebagai dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 tetapi saksi mengesahkan chloroquine pada paras 3.30 micrograms per milliliter darah merupakan 'lethal level'.

**[9]** Waris si mati terutama pemohon telah tidak berpuas hati dengan keputusan bedah siasat dan punca kematian si mati yang dilakukan oleh SI18. Pemohon melalui peguamnya telah mendapatkan perintah mahkamah ini untuk jasad si mati dibedah siasat sekali lagi. Bedah siasat kedua telah dijalankan oleh Dr Prashant Naresh Samberkar ('SI19'). Saksi telah melakukan bedah siasat ke atas jasad si mati pada 20 Ogos 2009 iaitu lebih daripada satu bulan selepas kematian si mati. Keadaan jasad si mati pada waktu itu telah reput. Saksi mendapati terdapat *soft tissue injury* di bahagian dada sebelah kiri jasad si mati berukuran 28 x 8 x 5 cm yang dikatakan berkemungkinan disebabkan oleh usaha menyelamat (*resuscitation efforts*). Saksi SI19 turut berpendapat bahawa sebab-sebab kematian si mati adalah 'drug related death'. Walau bagaimanapun saksi SI5 mengesahkan sebenarnya tiada usaha menyelamat telah dilakukan ke atas si mati oleh kerana si mati dibawa ke Hospital Kuala Lumpur dalam keadaan telah pun tidak bernyawa lagi. Saksi SI18 dan SI19 menyatakan bahawa tanda-tanda kecederaan pada jasad si mati hanya kelihatan semasa bedah siasat kedua dijalankan. Saksi SI23 iaitu Majistret Tuan Nazran bin Mohd Sham yang melihat jasad si mati sebelum bedah siasat yang pertama dilakukan mengesahkan beliau tidak melihat sebarang kecederaan pada jasad si mati. Saksi-saksi SI18 dan SI19 juga mengesahkan bahawa kecederaan yang sama mungkin juga boleh menyebabkan atau pun mempercepatkan kematian kepada si mati.

**[10]** Dalam inkues yang telah diadakan, pihak timbalan pendakwa raya telah memanggil tiga orang yang telah ditangkap bersama si mati sebagai saksi inkues. Tiga saksi tersebut adalah Ravi a/l Subramaniam ('SI17'), Suresh a/l M Subbaiah ('SI20') dan Selvach Santhiran a/l Krishnan ('SI22'). Saksi SI17 dalam keterangannya menyatakan beliau melihat seorang anggota polis telah menendang dan memukul si mati dengan hos getah di Balai Polis Sentul. Saksi SI20 menyatakan beliau ada melihat seorang anggota polis menendang kaki dan memukul si mati dengan kayu dua kali di tempat si mati ditangkap. SI20 juga melihat anggota polis yang sama telah memukul kepala si mati dengan hos getah serta menendang bahagian belakang dan dada si mati dengan kuat semasa di Balai Polis Sentul menyebabkan si mati jatuh tersungkur dan tidak boleh bangun semula. Begitu juga saksi SI22 menyatakan melihat seorang anggota polis telah menendang bahagian kaki dan memukul kepala si mati dengan kayu sebanyak dua kali ditempat si mati ditangkap. SI22 juga melihat anggota polis yang sama telah menendang bahagian belakang dan dada si mati dengan kuat. Ketiga-tiga saksi tersebut telah mengecamkan anggota polis yang telah memukul dan menendang si mati pada 16 Julai 2009 tersebut adalah L/Kpl Mohd Faizal bin Mat Taib (SI8).

**[11]** Di akhir prosiding, puan majistret yang bijaksana setelah membuat pertimbangan kepada keseluruhan keterangan saksi-saksi dan keterangan

dokumentari telah memberikan keputusan 'Open Verdict' terhadap inkues kematian si mati. puan majistret telah membuat kesimpulan seperti berikut:

> Berdasarkan keterangan saksi-saksi inkues dan pemerhatian yang saya lakukan, saya memutuskan si mati meninggal dunia pada 16 Julai 2008 semasa dalam perjalanan ke hospital antara jam 6.45 petang hingga 7.20 petang. Terdapat dua punca kematian si mati, namun saya tidak dapat merumuskan yang mana satu punca kematian si mati kerana adakah benar punca kecederaan yang disedari untuk *post mortem* kali kedua ini adalah punca daripada hasil pukulan. Hasil kecederaan ini tidak dapat dipastikan secara sah oleh SI18 dan SI19. Mereka hanya berpendapat atau berkemungkinan kecederaan ini menyebabkan kematian si mati. Tambahan pula, SI23 semasa membuat pemeriksaan begitu pasti tiada sebarang lebam atau kecederaan ke atas badan si mati sebelum *post-mortem* dijalankan.
>
> Namun, keterangan SI17, SI20 dan SI22 juga diambilkira memandangkan mereka dengan yakin memberi keterangan di mahkamah. Dengan ini, saya mendapati kes inkues ini adalah satu kes 'open verdict' di mana ianya berlaku apabila keterangan yang ada tidak mencukupi atau tidak mencapai tahap yang dikehendaki untuk merekodkan lain-lain keputusan.

**[12]** Pemohon telah tidak berpuas hati dengan dapatan dan keputusan yang dibuat oleh puan majistret tersebut dan sekarang memfailkan permohonan di sini bagi menyemak kebenaran, keesahan dan/atau kebetulan keputusan puan majistret tersebut.

HUJAHAN PEMOHON

**[13]** Peguam Encik M Visvanathan bagi pihak pemohon adalah juga merupakan peguam pemerhati bagi pihak ahli keluarga si mati di peringkat prosiding inkues. Encik M Visvanathan telah memfailkan hujahan bertulis berserta ikatan autoriti. Saya telah mendengar hujahan dari kedua belah pihak pada 18 Jun 2012 dan telah menangguhkan keputusan ke 19 Julai 2012 untuk saya meneliti dengan lebih mendalam hujahan dan autoriti yang dikemukakan oleh pihak-pihak disamping meneliti rekod asal prosiding tersebut.

**[14]** Encik M Visvanatahan berhujah rumusan dan keputusan yang telah dibuat oleh puan majistret adalah tidak benar dan tidak betul. Rumusan dan keputusan yang dihujahkan sebagai tidak benar dan tidak betul adalah melibatkan perkara-perkara yang berikut:

(a) satu laporan mati mengejut (SDR) telah dirujuk kepada mahkamah;

(b) tempat kematian sebagai dalam perjalanan ke hospital;

(c) masa kematian antara jam 6.45–7.20 petang pada 16 Julai 2008; dan

(d) kesan kecederaan pada badan si mati akibat daripada *resuscitation efforts*.

**[15]** Peguam pemohon berhujah sebenarnya tidak ada sebarang laporan dibuat oleh pihak polis mengenai kematian si mati yang telah dirujuk kepada mahkamah. Tempat kematian dihujahkan adalah di balai Polis Sentul selepas si mati dipukul dan ditendang oleh seorang anggota polis (SI8) berdasarkan kepada keterangan tiga rakan yang ditangkap bersama si mati yang melihat kejadian tersebut serta berpandukan kepada kesan kecederaan yang dialami oleh si mati hasil bedah siasat oleh SI19. Keterangan SI8 yang mengatakan mendengar si mati bercakap-cakap dalam bahasa Tamil sewaktu dalam motor van ke hospital tidak disokong dan bercanggah dengan keterangan lain-lain saksi. Mengenai masa kematian dihujahkan keterangan SI18 yang menyatakan pihak polis iaitu ASP Mohd Idris ('SI15') bahawa si mati telah meninggal dunia di Balai Polis Sentul pada jam 5.30 petang wajar diterima. Oleh itu waktu kematian si mati adalah pada jam 5.30 petang pada 16 Julai 2009 dan bukan pada 'antara 6.45–7.20 petang … pada 16/7/2008' seperti diputuskan oleh puan majistret. Kesan kecederaan di bahagian dada kiri si mati adalah kesan tendangan yang dilakukan oleh SI8 dan bukannya kesan resuscitation efforts memandangkan saksi SI5 ('Dr Al-Hilmi bin Saim') mengesahkan bahawa si mati di *brought in dead* dan tiada tindakan dilakukan untuk usaha pemulihan (*resuscitation efforts*).

**[16]** Selain itu Encik M Visvanatahan juga menghujahkan bahawa puan majistret telah gagal untuk mengambilkira keseluruhan keterangan termasuklah keterangan yang berbentuk dengar cakap dalam membuat rumusan dan keputusan di akhir inkues seperti dikehendaki di bawah s 328 KAJ. Selain itu dihujahkan puan majistret telah gagal dalam perkara-perkara berikut:

(a) gagal untuk mengenal pasti nama sebenar si mati;

(b) gagal mengulas keterangan saksi-saksi anggota polis yang bercanggah antara satu dengan lain;

(c) gagal mempertimbangkan keterangan saksi-saksi anggota polis yang bercanggah dengan keterangan dokumentari terutama *station diary* serta *pocket diary*;

(d) gagal mengulas tentang kredibiliti saksi-saksi anggota polis yang dilihat bersekongkol untuk menutupi kebenaran dalam kes kematian si mati disini;

(e) tiada sebarang ulasan terhadap keterangan yang menunjukkan si mati telah dipukul dan ditendang sejak dari tempat kejadian si mati ditangkap dan juga semasa di tahan di Balai Polis Sentul; dan

(f) gagal mengenal pasti SI8 sebagai anggota polis yang telah memukul dan menendang si mati sebelum berlakunya kematian si mati.

**[17]** Peguam juga berhujah bahawa walaupun terdapat dua kemungkinan yang menyebabkan si mati meninggal dunia iaitu akibat mengambil dadah yang berlebihan atau pun akibat dipukul dan ditendang oleh SI8 namun tidak ada bukti yang dapat mengesahkan si mati telah meninggal dunia akibat daripada pengambilan dadah yang berlebihan. Malahan tahap dadah chloroquine dalam darah pada kadar 3.30 micrograms per milliliter tidak dibuktikan secara konklusif sebagai tahap yang boleh membawa maut (*lethal level*). Oleh itu dihujahkan ada kemungkinan kecederaan yang dialami oleh si mati juga berkemungkinan besar telah menyebabkan atau telah mempercepatkan kematian si mati.

**[18]** Peguam yang bijaksana juga berhujah bahawa si mati telah jatuh pengsan dan dicederakan tanpa mendapat bantuan dan pertolongan segera daripada mana-mana anggota yang berada di Pejabat Bahagian Narkotik, IPD Sentul. Oleh itu dihujahkan anggota polis yang berada di sana pada masa itu telah melakukan ketinggalan (*omission*) yang menyalahi undang-undang yang mempercepatkan kematian si mati.

**[19]** Akhirnya peguambela berhujah bahawa Tuan Majistret Nazran Mohd Sham ('SI23') telah gagal mematuhi Practice Direction No 1 of 2007—Guidelines On Inquest yang telah dikeluarkan oleh YAA Hakim Besar Malaya bertarikh 5 Januari 2007. Dihujahkan SI23 telah gagal untuk tindakan-tindakan yang sewajarnya dilakukan semasa dan selepas melihat jasad si mati di Hospital Kuala Lumpur pada 17 Julai 2009 jam 12.15 pagi terutama perkara-perkara yang termaktub di bawah bahagian Pre Inquest-A Viewing Body Of Deceased.

HUJAHAN RESPONDEN

**[20]** TPR Tuan Lokman bin Kassim bagi pihak responden telah mengemukakan hujahan bertulis. Secara ringkasnya Tuan TPR menyokong dapatan dan keputusan 'open verdict' yang dicapai oleh puan majistret. Dihujahkan bahawa berdasarkan kepada semua keterangan yang telah dikemukakan adalah mustahil untuk menentukan masa sebenar si mati telah meninggal dunia. Terdapat juga keterangan yang bercanggah serta dua versi mengenai isu bagaimana si mati menemui ajalnya serta apakah punca sebenarnya yang menjadi sebab-sebab kepada kematian si mati. Oleh itu Tuan TPR berhujah keputusan 'open verdict' yang dibuat oleh puan majistret dalam prosiding inkues ini adalah betul.

UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

**[21]** Mengenai bidang kuasa serta kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi mengenai semakan diperuntukkan di bawah ss 323–327 KPJ dan ss 31 dan 35 Akta

Mahkamah Kehakiman 1964. Peruntukan-peruntukan tersebut di atas telah memberikan kuasa yang cukup luas bagi menentukan sama ada keputusan mahkamah bawahan jenayah itu betul, mengikut undang-undang atau bersesuaian mengenai keputusan, hukuman atau perintah serta teraturnya sesuatu prosiding mahkamah bawahan itu, termasuklah pada pandangan saya berkaitan dengan rumusan dan keputusan puan majistret dalam prosiding inkues di sini. Prosedur mengenai semakan telah dihuraikan dengan panjang lebar dalam kes *Public Prosecutor v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116; [1999] 8 CLJ 430 dan *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35 Dalam kes Muhari, Yang Arif Hakim KC Vohrah (ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> Having set out the statutory provisions, it behoves the court to examine the relevant case law. In *Public Prosecutor v Kulasingam* [1974] 2 MLJ 26; [1974] 1 LNS 118, Hashim Yeop A Sani J (as he then was) stated the essence of what the High Court should have in mind when considering a revision (at the same page):
>
> > The powers of the High Court in revision are amply provided under s 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-ss (ii) and (iii) thereof. The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of 'paternal or supervisory jurisdiction' in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower court should be interfered with in the interest of justice.

**[22]** Mengenai tugas majistret dalam sesuatu prosiding khas mengenai siasatan kematian atau inkues adalah seperti diperuntukkan di bawah s 337 KAJ. Seksyen tersebut berbunyi:

> 337 Siasatan hendaklah dibuat oleh Majistret
>
> Seseorang Majistret yang menjalankan sesuatu siasatan itu hendaklah menyelidiki bila, di mana, bagaimana dan apa caranya si mati itu menemui ajalnya dan sama ada mana-mana orang ada terlibat secara jenayah di dalam sebab-sebab kematian itu.

**[23]** Tugas seorang majistret yang bertindak sebagai koroner adalah untuk memutuskan lima perkara berikut:

(a) bilakah si mati meninggal dunia;

(b) di mana si mati meninggal dunia;

(c) bagaimana si mati telah meninggal dunia;

(d) dalam apa cara si mati meninggal dunia; dan

(e) adakah sesiapa terlibat secara jenayah dengan kematian si mati.

**[24]** Dalam menjalankan sesuatu siasatan kematian, perhatian seseorang

majistret hendaklah ditarik kepada peruntukan di bawah s 328 KAJ dalam menentukan sebab kematian seseorang simati. Seksyen 328 KAJ tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> 328 Erti 'sebab kematian'
>
> Dalam Bab ini perkataan 'sebab kematian' termasuklah bukan sahaja sebab kematian yang nyata yang boleh ditentukan melalui pemeriksaan atau post-mortem terhadap badan si mati itu, tetapi juga semua perkara yang perlu untuk membolehkan suatu pendapat dibuat bagaimana si mati itu menemui ajalnya dan sama ada kematiannya disebabkan atau dipercepatkan oleh perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh mana-mana orang.

**[25]** Di dalam kes *In Re Anthony Chang Kim Fook, Deceased* [2007] 2 CLJ 362, Hakim Sulong Matjeraie (sekarang HMP) telah mengulas mengenai tugas dan tanggungjawab seorang majistret dalam prosiding inkues, dengan berkata:

> Section 337 of the CPC serves as the terms of reference within which the Coroner conducts the inquest into the death of the deceased. As such the Coroner cannot act outside the perimeter of the said terms of reference.
>
> It must be borne in mind that in an inquest, there are no parties, there is no indictment, there is no prosecution, there is no defence and there is no trial. It is simply an attempt to establish facts. It is an inquisitorial process, a process of investigation quite unlike a trial where the prosecutor accuses and the accused defends, the judge holding the balance or the ring, whichever metaphor one chooses to use, see *R v South London Coroner; ex parte Thompson* (1982) 126 SJ 625 DC.

Dan di ms 366, seperti berikut:

> The function of a Magistrate in holding an inquiry under s 377 is only to inquire when, where, how and after what manner the deceased came to his death and also whether any person is criminally concerned in the cause of death and without more. Learned Coroner would usurp the powers and prerogatives of the public prosecutor enshrined under art 145(2) of the Federal Constitution if he were to indulge into the question of whether a particular offence was committed with which a person may be charged.

**[26]** Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini, setelah meneliti segala rekod asal prosiding tersebut saya mendapati dan memutuskan mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh peguambela terpelajar bagi pihak pemohon seperti berikut:

(a) isu mengenai SDR — peguambela berhujah bahawa tiada laporan kematian si mati telah dibuat oleh pihak polis oleh itu tiada SDR telah dikemukakan ke puan majistret. Saya mendapati memang terdapat satu

SDR fail dengan No 45/09 telah disediakan oleh pihak polis yang memuatkan semua percakapan, laporan, tindakan serta barang-barang kes yang telah dikumpulkan oleh pegawai penyiasat dalam siasatan yang dilakukan. Fail SDR No 45/09 tersebut telah dikemukakan kepada puan majistret dan juga ke mahkamah ini sebagai sebahagian daripada rekod asal prosiding tersebut;

(b) isu berkaitan percanggahan dan kredibiliti saksi-saksi anggota polis — saya mendapati puan majistret telah megulas mengenai percanggahan dalam keterangan saksi-saksi anggota polis serta percanggahan dalam keterangan saksi-saksi awam sehingga menyukarkan puan majistret untuk membuat dapatan dan keputusan dengan tepat mengenai masa, tempat serta punca kematian si mati. Walau bagaimanapun pada pandangan mahkamah ini bahawa isu mengenai kredibiliti saksi-saksi tidak perlu disentuh memandangkan prosiding inkues tidak melibatkan satu perbicaraan dan tidak sesiapa dipertuduhkan; dan

(c) isu berkaitan 'resuscitation efforts' — puan majistret telah mengulas bahawa saksi-saksi SI18 dan SI19 yang memberi pandangan awal bahawa kesan kecederaan pada bahagian dada kiri si mati berkemungkinan berpunca dari 'resuscitation efforts'. Apabila saksi-saksi mengetahui kemudiannya bahawa tiada 'resuscitation efforts' dilakukan baru mengubah pandangan bahawa kesan kecederaan tersebut kemungkinan akibat kena pukul dan kena tendang. Walau apa pun puan majistret merumuskan punca sebenar kematian si mati tidak dapat dipastikan sama ada kerana dipukul dan ditendang atau pun oleh kerana mengambil dadah berlebihan.

**[27]** Setelah meneliti rekod asal prosiding tersebut, saya mendapati seperti berikut:

(a) si mati adalah seorang bernama Gunasegaran a/l Rajasundram, pemegang Kad Pengenalan No 780920–14–5107 beralamat No 31, Lorong 4/5, Ampang Tasek Tambahan, 68000 Ampang, Selangor berdasarkan kepada cabutan daftar kad pengenalan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia bertarikh 24 Julai 2009 seperti D6 di dalam fail SDR 45/09;

(b) si mati telah meninggal dunia antara jam jam 5.30–7.20 petang pada 16 Julai 2009 berkemungkinan berlaku di Balai Polis Sentul atau sekurang-kurangnya dalam perjalanan antara Balai Polis Sentul ke Hospital Kuala Lumpur;

(c) sebab kematian si mati adalah berkemungkinan akibat dari kecederaan kerana dipukul dan ditendang dan/atau akibat mengambil dadah chloroquine yang berlebihan; dan

(d) sebelum kematiannya, si mati telah dipukul dan ditendang oleh SI8,

L/Kpl 151345 Mohd Faizal bin Mat Taib. Walau bagaimanapun tiada bukti konklusif dan saintifik bahawa perbuatan tersebut sebagai punca sebenar menyebabkan kematian atau telah mempercepatkan kematian si mati.

**[28]** Oleh yang demikian mahkamah ini mengesahkan keputusan 'open verdict' yang dicapai oleh puan majistret dalam prosiding inkues ini.

**[29]** Akhirnya, saya ingin membuat pemerhatian bahawa seorang pegawai penyiasat bagi kes-kes kematian semasa dalam tahanan pihak polis, adalah wajar pegawai penyiasat daripada balai polis atau IPD yang lain menjalankan siasatan. Lebih-lebih lagi sekiranya dalam kes kematian tersebut terdapat tohmahan bahawa pegawai atau anggota balai polis yang sama dikatakan terlibat dengan kematian si mati tersebut. Ini adalah supaya siasatan tersebut dilihat lebih transparen, berintegriti serta menyakinkan semua pihak terutama ahli keluarga kepada si mati.

*Keputusan mahkamah bawahan disahkan.*

Dilaporkan oleh Ibnu Aswan